



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PERMOHONAN UNTUK TIMBANG TARA YANG BERBANGKIT DARIPADA PELAKSANAAN PERJANJIAN PENYELESAIAN BERTARIKH 18 OGOS 2020 ANTARA KERAJAAN MALAYSIA, 1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD DAN GOLDMAN SACHS GROUP, INC.

Pada 11 Oktober 2023, The Goldman Sachs Group, Inc (Goldman Sachs) telah menamakan Kerajaan Malaysia sebagai Responden dalam satu Permohonan Untuk Timbang Tara yang difailkan di *London Court of International Arbitration* (LCIA). Permohonan Untuk Timbang Tara ini adalah bagi mendapatkan relif-relif tertentu yang dikatakan berbangkit daripada pelaksanaan Perjanjian Penyelesaian bertarikh 18 Ogos 2020 yang telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia, 1Malaysia Development Berhad dan Goldman Sachs.

Berdasarkan Artikel 2.1 Peraturan LCIA, Kerajaan Malaysia hendaklah memfailkan Balasan (*Response*) kepada Pendaftar Mahkamah LCIA dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh Permohonan Untuk Timbang Tara tersebut difailkan.

Pada 8 November 2023, Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Peguam Negara telah memfailkan Balasan kepada Pendaftar Mahkamah LCIA, dan mengemukakan sesalinan Balasan tersebut kepada pihak Goldman Sachs sewajarnya.

Jabatan Peguam Negara komited dalam memastikan kepentingan Kerajaan Malaysia sentiasa dilindungi dan kekal terpelihara sepanjang prosiding berkaitan Permohonan Untuk Timbang Tara yang telah difailkan oleh Goldman Sachs ini.

JABATAN PEGUAM NEGARA

8 NOVEMBER 2023